

**BAHAGIAN GOVERNAN**

Rujukan Kami : UPSI/PEND/BG1/597(10/22)  
Tarikh : 16 Disember 2022  
21 Jamadilawal 1444H

**SPP UPSI BIL.10 TAHUN 2022**

Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**PEMAKAIAN PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (KEMUDAHAN PERUBATAN), VERSI 1.0 (2022) KEPADA STAF, PESARA SERTA TANGGUNGAN STAF DAN PESARA DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS.**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-143 Bil. 5/2022 pada 27 September 2022 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (Kemudahan Perubatan) Versi 1.0 (2022) kepada staf, pesara serta tanggungan staf dan pesara UPSI. Pekeliling ini dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, dan mengumpulkan kesemua peraturan-peraturan berkaitan dengan pelaksanaan kemudahan perubatan dalam Perkhidmatan Awam yang diperincikan melalui enam (6) perkara berikut:-

Kod Ceraian	Tema
SR.2.1	Perbelanjaan kemudahan perubatan.
SR.2.2	Pemansuhan bayaran wad kepada pegawai dan pesara dalam Perkhidmatan Awam.
SR.2.3	Surat Pengenalan dan Akuan bagi Pegawai Kerajaan untuk mendapat Rawatan Perubatan di Hospital atau Klinik Kerajaan.
SR.2.4	Kemudahan Perlindungan Insurans Perjalanan bagi pegawai perkhidmatan awam ke luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian.
SR.2.5	Pemeriksaan Kesihatan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam.
SR.2.6	Kemudahan Perubatan untuk ibu bapa yang sah.

3. Sehubungan itu, melalui semakan dan perbandingan yang dilakukan antara Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (Kemudahan Perubatan) Versi 1.0 (2022) dengan kesemua Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Edaran yang berkaitan dengan kemudahan perubatan pegawai perkhidmatan awam yang telah diluluskan pemakaiannya di UPSI sebelum ini mendapati bahawa terdapat beberapa perubahan dan penambahbaikan yang telah dilakukan sebagaimana yang dinyatakan di **Lampiran 1**.

4. Bersama-sama ini disertakan **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (Kemudahan Perubatan) Versi 1.0 (2022)** untuk makluman dan rujukan pihak Ybhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan.

5. Pemakaian pekeling ini di UPSI berkuatkuasa pada **1 Januari 2023**. Walau bagaimanapun, pengecualian bagi pemakaian pekeling ini diberikan kepada apa-apa kelulusan atau surat jaminan bagi mana-mana kemudahan perubatan yang telah dikeluarkan terdahulu oleh pihak UPSI sebelum atau pada 31 Disember 2022.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“UPSI NO.1 PENDIDIKAN”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(HELMI ZAIFURA BIN ABDUL RAHMAN)**  
Pendaftaran

Dikelilingkan kepada: Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

s.k Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



**UPS I**  
**No.1**  
**PENDIDIKAN**



## Lampiran 1

Bil.	Perkara	Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Edaran terdahulu	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (Kemudahan Perubatan) Versi 1.0 (2022)	Catatan
1.	<p>Kelayakan Perubatan bagi pegawai bukan warganegara</p>	<p><u>Perenggan 8 (a), Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2010</u></p> <p>Pelaksanaan pemanjangan kemudahan perubatan bagi pegawai bukan warganegara yang dilantik secara kontrak adalah seperti berikut:</p> <p>(a) Ahli keluarga yang layak terdiri daripada seorang suami atau isteri dan tiga (3) orang anak yang berusia 18 tahun dan ke bawah dan diisytiharkan kepada Ketua Jabatan.</p>	<p><u>Perenggan 4(i), Ceraian SR2.1.1</u></p> <p>Kemudahan perubatan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Ceraian ini secara keseluruhannya adalah layak diberikan kepada:</p> <p>(i) Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan lantikan tetap, kontrak (merujuk kepada pegawai lantikan secara <i>contract of service</i> di bawah Ceraian UP.1.1.1 dan pindaannya dari semasa ke semasa dan sementara).</p> <p><b>Dibaca bersama:-</b></p> <p><u>Perenggan 54.6 (i) &amp; (iv), Lampiran UP.1.1.1</u> yang menyatakan bahawa:</p> <p>(i) Pegawai warganegara bukan pesara, pesara dan pegawai bukan warganegara layak diberi <u>kemudahan perubatan percuma di hospital dan klinik Kerajaan;</u></p> <p>dan</p> <p>(iv) <u>Pegawai bukan warganegara layak mendapat kemudahan di Perenggan (i) untuk diri sendiri sahaja.</u></p>	<p>Perubahan kelayakan perubatan bagi tanggungan pegawai bukan warganegara.</p>

## Lampiran 1

Bil.	Perkara	Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Edaran terdahulu	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (Kemudahan Perubatan) Versi 1.0 (2022)	Catatan						
2.	<p>Permohonan Perbelanjaan untuk Pembekalan Alat Bantu Penglihatan Terhadap.</p>	<p>Tiada dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21/2009.</p>	<p><u>Perenggan 7 &amp; 8 (i-vi), Lampiran SR2.1.1(B)</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Alat Bantu Penglihatan Terhadap ini merupakan bantuan kemudahan pemulihan bagi individu yang mengalami masalah terhad di mana individu ini dikategorikan sebagai <b>Orang Kurang Upaya (OKU)</b></li> <li>• Jenis alat bantu penglihatan terhad yang dibenarkan adalah <b>peralatan optikal</b>.</li> <li>• Harga siling perbelanjaan alat bantu penglihatan terhad adalah seperti berikut:-</li> </ul> <table border="1" data-bbox="778 752 986 1167"> <thead> <tr> <th>Jenis alat</th> <th>Harga Siling (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Peralatan optikal dekat</td> <td>1,000.00</td> </tr> <tr> <td>Peralatan Optikal Jauh (<i>Telescope</i>)</td> <td>1,000.00</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis alat	Harga Siling (RM)	Peralatan optikal dekat	1,000.00	Peralatan Optikal Jauh ( <i>Telescope</i> )	1,000.00	<p>Kemudahan perubatan yang baru diperkenalkan oleh kerajaan.</p>
Jenis alat	Harga Siling (RM)									
Peralatan optikal dekat	1,000.00									
Peralatan Optikal Jauh ( <i>Telescope</i> )	1,000.00									

# Lampiran 1

Bil.	Perkara	Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Edaran terdahulu	Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (Kemudahan Perubatan) Versi 1.0 (2022)	Catatan
3.	Pelaksanaan Kemudahan Perlindungan Insurans Perjalanannya.	<p><u>Perenggan 5 (v), Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6, Tahun 2015</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kementerian/Jabatan/Agensi akan membayar premium kepada syarikat penanggung insurans.</li> </ul>	<p><u>Perenggan 5 (iii) &amp; (iv), Ceraian SR2.4.1</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pegawai membeli sendiri perlindungan insurans perjalanannya daripada mana-mana syarikat berlesen yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia.</li> <li>• Pegawai boleh membuat tuntutan bayaran balik (<i>reimbursement</i>) premium kepada Ketua Jabatan.</li> </ul> <p><u>Lampiran A, Surat Edaran JPA(S)187/20 Jld. 18(2) pada 16 Januari 2019</u></p>	Perubahan dari segi pelaksanaan pembelian kemudahan perlindungan insurans perjalanannya dalam pekeliling.

Bil Hari	Kadar Premium Insurans Kesihatan (RM)		
	Kawasan 1	Kawasan 2	Kawasan 3
1-5	32	42	52
6 - 10	46	64	80
11 - 18	62	103	120
19 - 31	72	119	170

Bil Hari	Kadar Premium Insurans Perjalanan (RM)		
	Kawasan 1	Kawasan 2	Kawasan 3
1-5	45	73	82
6 - 10	65	96	114
11 - 18	95	132	172
16 - 20	124	173	225
20 - 31	172	241	309